

Bersama
DR. AHMAD ISMAIL

Siri 57

Niaga hidupan liar guna Internet

ANCAMAN kepususan hidupan liar menjadi semakin serius apabila bertambahnya kaedah penyeludupan dan perdagangan hidupan liar secara haram. Kes melibatkan aktiviti pemburuan, pembikan dan penjualan hidupan liar yang dilindungi secara haram menggunakan khidmat Internet, kiriman kurier atau pos untuk mengirimkan haiwan liar terus kepada pembeli adalah antara kaedah baharu yang berlaku.

Haiwan yang dilindungi seperti kura-kura dan ular adalah antara spesies paling kerap dilaporkan media ditemukan dalam kotak untuk dikirimkan ke destinasi pelanggan. Kes begini selalu ditangkap oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Kastam dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Perniagaan hidupan liar secara haram bukan lagi secara senapsen dan berselindung malah secara terbuka dalam Internet.

Walaupun kaedah ini nampak terbuka, pihak berkuasa masih lagi sukar untuk membasminya.

Mungkin kita masih lagi tidak mempunyai kemahiran dalam hal membasmi perniagaan jenis ini dan kurang kerjasama antara banyak pihak yang boleh terlibat. Kita tidak dapat banyak berita

tentang aktiviti perniagaan hidupan liar secara haram di Internet ditangkap dan didakwa di mahkamah.

Ada beberapa tangkapan dibuat oleh Perhilitan setelah menjalankan intipian yang lama ke atas rangkaian utama pembekal hidupan liar yang menjual secara haram dalam Internet. Antara hidupan liar yang dinilangkan termasuklah buaya tembaga, mengkira, kucing batu, kongkang, unga dan beruang matahari serta pelbagai spesies burung seperti burung barau-barau, serindit, bayan dan helang.

Berdasarkan laporan Perhilitan, penjualan hidupan liar secara haram terutama di Facebook semakin meningkat, namun masih terkawal.

Secara amnya di Malaysia, terdapat lebih daripada 30 spesies burung, 10 spesies reptilia dan hampir 20 spesies mamalia yang dilindungi oleh undang-undang pernah dilaporkan terlibat dalam

penjualan dalam talian. Perniagaan melalui dalam talian adalah lebih mudah, mempunyai risiko yang rendah dan mendapat keuntungan yang lebih baik. Di Eropah misalnya, lebih daripada 7,000 hasil hidupan liar spesies terancam dijual secara dalam talian.

Harga yang baik ini menggalakkan perdagangan hidupan liar dalam talian semakin popular. Sejauh mana Konvensyen Bagi Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Terancam (CITES) berkesan dalam mengawal perdagangan spesies terancam masih dipersoal. Kawalan yang kurang cekap mungkin disebabkan terhadapnya konflik antara perniagaan dan pemuliharaan.

Orang ramai mesti mempunyai kesedaran yang tinggi dalam pemuliharaan hidupan liar terutama haiwan liar yang terancam dengan melaporkan kepada Perhilitan

HAIWAN RAMPASAN JABATAN PERHILITAN

Burung Antara RM150 dan RM400 seekor



**Spesies jarang ditemui:
Sawa jenis *boa constrictor*
RM7,000**

**Ular sawa burma RM10,000
seekor**



Ular sawa darah RM3,000

Ular Senduk RM3,000



Biawak RM500



**RAMPAS
kulit hidupan
liar yang
dipercaya
kulit harimau
belang.**

DISYAKI KULIT

HARIMAU BELANG

Perhilitan juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan juga mengadakan perbincangan dengan pihak pengendali laman web komersial untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana iklan yang menawarkan hidupan liar tidak sah untuk dijual.

Menurut Traffic, Facebook sudah menjadi kaedah baru perniagaan hidupan liar secara haram di negara ini. Menerusi laporan mereka dalam *Trading Faces: A Rapid Assessment on the use of Facebook to Trade Wildlife in Peninsular Malaysia 2016*, daripada 14 kumpulan Facebook yang dipantau dalam masa 30 minit sehari selama lima bulan mendapat lebih 300 hidupan liar sejati undang-undang.

Dalam aspek perdagangan hidupan liar dalam talian, Perhilitan sentiasa kerjasama dengan pihak NGO seperti *Wildlife Trade Monitoring Network (Traffic)*, *Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MYCAT)*, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), *Wildlife Conservation Society (WCS)*, Dana Sedunia Alam Semula Jadi (WWF) Malaysia dan pelbagai agensi lain dalam menangani isu perdagangan hidupan liar dalam talian.

Traffic di Jakarta mendapat lebih 19,000 burung yang terdiri daripada 206 spesies untuk dijual dan 30 spesies daripadanya adalah spesies yang terancam.

Kaedah yang lebih canggih melalui sistem komunikasi berjaya mencabar sistem pemantauan pihak penguasa kuasa yang sudah lama dan perlaha-

Jaringan komunikasi yang sistematik, cepat dan sukar dijejaki menambah sukar bagi pihak berkuasa membentera-

Perhilitan juga bekerjasama dengan tindakan undang-undang melalui undang-undang termasuk beruang matahari, unga, memerang, kongkang dan binturung. Di Malaysia lebih 80 peratus pengguna Internet adalah aktif dengan Facebook.

Sepanjang tempoh di antara November 2014 hingga Mac 2015, Traffic mendapat 67,000 ahli aktif dan 106 penjual dalam media sosial. Selain Malaysia,

Malaysia sudah mempunyai Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang dikuatkuasakan pada 28 Disember 2010 berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Akta tersebut memperuntuk hukuman yang lebih berat ke atas kesalahan yang dilakukan dalam aktiviti-aktiviti haram berkaitan hidupan liar dan seumpamanya.

Perhilitan boleh mengambil tindakan undang-undang melalui akta tersebut dengan menggantung atau membatalkan lesen perniagaan atau lesen menyimpan hidupan liar terhadap mana-mana individu atau syarikat yang terlibat dalam penjualan hidupan liar dalam talian.



ANTARA sebahagian rampasan hidupan liar iaitu hidung tapir, keluang, daging babi hutan, kaki beruang dan labi-labi yang berhasil dirampas.



Operasi khas sejak 2013

DI Malaysia operasi khas membenterajenaya penjualan hidupan liar dalam talian telah dijalankan sejak 2013 lagi. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) menangkap seramai 69 individu yang terlibat dalam urusan menawarkan dan menjual hidupan liar secara haram dalam talian antara 2013 hingga 2016 menerusi 54 operasi.

Kerajaan sedar perdagangan melalui internet sebagai cabaran baharu dalam mengawal perdagangan hidupan liar secara haram. Sudah menjadi aliran semasa pada masa sekarang untuk individu memelihara hidupan liar sebagai hobi dan menjadi kebanggaan seseorang

individu untuk memiliki hidupan liar sebagai bahan trofi. Antara hidupan liar yang sering disimpan sebagai haiwan peliharaan ialah musang, ular sawa, labah-labah, kala jengking dan sebagainya.

Pada kebiasaannya, individu yang berminat untuk memelihara hidupan liar akan mendapatkannya di kedai-kedai haiwan peliharaan. Dengan adanya tahap capaian Internet yang meluas dan pantas, memberikan peluang baharu dalam perniagaan hidupan liar dalam talian.

Hasil pemantauan berterusan ini juga, Perhilitan mendapat kira-kira 50 peratus hidupan liar

yang ditawarkan dalam talian merupakan daripada sumber liar yang dilindungi sepenuhnya oleh undang-undang.

Malaysia komited dengan Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-bangsa Bersatu (SDGs) yang antara lain berhasrat menamatkan pemburuan dan penyeludupan haram hidupan liar.

Perhilitan telah menjalankan pemantauan ke atas tapak media sosial yang megiklankan produk bersumberkan hidupan liar haram atau menawarkan jualan melalui Unit Jenayah Siber pada tahun 2013.

Dengan pengetahuan dan kesedaran orang ramai tentang pemuliharaan hidupan liar dan Malaysia sebagai negara megabiodiversiti dunia, perdagangan hidupan liar dapat dipatahkan.



PENYU antara spesies yang menjadi mangsa penyeludup.